

A Malay Manuscript on Advice to Students: A Study and Critical Edition of *Tanbīh al-Ṭullāb*

Mohd Anuar bin Mamat♣
anuarmamat@usim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.56389/tafhim.voll8no2.7>

Abstract

The pursuit of knowledge is a fundamental obligation in Islam and has been emphasised since the time of the Prophet Muḥammad through propagation and the development of Islamic educational systems. Within this tradition, scholars, including those of the Malay world, produced works on Islamic education in prose and in poetic forms such as *syair* and *nazam*. This article examines a Malay manuscript entitled *Tanbīh al-Ṭullāb* (*An Admonition for Students*), which belongs to the genre of *adab* in learning, and analyses its content. Previously unstudied, the treatise is written in Arabic verse with interlinear Jawi translation and displays distinct features that set it apart from comparable works. The study focuses on two main aspects. The first is a codicological examination covering the identification of extant copies, their repositories, and physical characteristics such as size, writing material, and watermarks. The second is the preparation of a critical edition of *Tanbīh al-Ṭullāb* through a philological comparison of two manuscripts, MSS 2378 and MSS 4315. This research clarifies core elements of Islamic educational thought in the Malay world, particularly in relation to ethics, intention, and purpose in learning. The critical edition produced shall serve as a foundation to support further research on Islamic intellectual and educational traditions in classical Malay literature.

Keywords:

Tanbīh al-Ṭullāb, Malay World, Islamic education, manuscripts studies, and philology.

Article history:

Submission date: 22/3/2024

Received in revised form: 22/3/2024

Acceptance date: 30/10/2025

Available online: 31/12/2025

Funding:

This article derives from research conducted by the author and was funded by a research grant from USIM, (PPPI/FPQS/0122/USIM/13222).

Conflict of interest:

The author(s) have declared that no competing interest exists.

Cite as:

Mohd Anuar bin Mamat, "A Malay Manuscript on Advice to Students: A Critical Edition and Study on *Tanbīh al-Ṭullāb*," *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 18, No. 2 (December 2025): 143–171.

♣ Holds a Doctor of Philosophy (PhD) in Manuscript Studies and Islamic Education from the University of Malaya (UM). Currently serves as a Senior Lecturer at the Faculty of Qur'an and Sunnah Studies, USIM, Malaysia.

Manuskrip Melayu tentang Peringatan Buat Penuntut Ilmu: Suatu Kajian dan Edisi Kritikal Teks *Tanbīh al-Ṭullāb*

Mohd Anuar bin Mamat*
anuarmamat@usim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.56389/tafhim.vol18no2.7>

Abstrak

Menuntut ilmu merupakan tuntutan penting dalam Islam dan ditekankan sejak zaman Rasulullah SAW melalui dakwah serta perkembangan sistem pendidikan Islam. Dalam tradisi ini, para ulama, termasuk sarjana Alam Melayu, menghasilkan karya tentang pendidikan Islam dalam bentuk prosa dan puisi seperti *syair* dan *nazam*. Artikel ini meneliti sebuah manuskrip Melayu berjudul *Tanbīh al-Ṭullāb* (*Peringatan bagi Para Penuntut*), yang tergolong dalam genre adab menuntut ilmu, serta menganalisis kandungannya. Karya yang belum pernah dikaji ini ditulis dalam bentuk *nazam* berbahasa Arab dengan terjemahan antara baris dalam tulisan Jawi dan menampilkan ciri yang membezakannya daripada karya perbandingan yang setara. Kajian memberi tumpuan kepada dua aspek utama. Pertama, kajian kodikologi yang merangkumi pengenaltastian naskhah, repositori, serta ciri fizikal seperti saiz, bahan penulisan dan tera air. Kedua, penyediaan edisi kritikal *Tanbīh al-Ṭullāb* melalui perbandingan filologi terhadap dua naskhah, MSS 2378 dan MSS 4315. Penelitian ini menjelaskan elemen utama pemikiran pendidikan Islam Alam Melayu, khususnya berkaitan adab, niat dan tujuan menuntut ilmu. Edisi kritikal yang dihasilkan menjadi asas yang menyokong penyelidikan lanjut berkenaan tradisi intelektual dan pendidikan Islam dalam persuratan Melayu klasik.

Kata Kunci:

Tanbīh al-Ṭullāb, Alam Melayu, pendidikan Islam, kajian manuskrip, dan filologi.

Rekod Artikel:

Tarikh hantaran: 22/3/2024

Serahan penambahbaikan: 22/3/2024

Tarikh terima: 30/10/2025

Tersedia di atas talian: 31/12/2025

Pendanaan:

Makalah ini merupakan hasil penyelidikan penulis melalui peruntukan Geran Penyelidikan Universiti Sains Islam Malaysia, (PPPI/FPQS/0122/USIM/13222).

Konflik kepentingan:

Penulis telah memaklumkan bahawa tidak terdapat sebarang konflik kepentingan dengan mana-mana pihak.

Sitasi:

Mohd Anuar bin Mamat, "Manuskrip Melayu tentang Peringatan Buat Penuntut Ilmu: Suatu Kajian dan Edisi Kritikal Teks *Tanbīh al-Ṭullāb*," *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 18, No. 2 (December 2025): 143–171.

* Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kajian Manuskrip dan Pendidikan Islam daripada Universiti Malaya (UM). Kini bertugas sebagai Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia.

Pendahuluan

Islam meletakkan ilmu pada kedudukan yang sangat tinggi sehingga menjadi ciri utama tamadun Islam itu sendiri.¹ Oleh sebab itu, usaha menuntut dan memperoleh ilmu difardukan atas setiap Muslim. Selain itu, kesempurnaan amalan seseorang juga bergantung pada kesempurnaan ilmunya.² Menyedari keutamaan ilmu ini, para sarjana Islam sejak zaman Rasulullah telah memikul dan menyempurnakan amanah menyebarkan ilmu yang benar hingga ke hari ini. Usaha mereka telah menghasilkan pelbagai karya yang memberikan perhatian terhadap persoalan ilmu serta adab menuntutnya. Selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu, perkara yang sama turut berlaku. Ilmu dan segala kegiatan yang berkaitan dengannya berkembang pesat dan maju dalam segenap aspek.³ Pelbagai karya dalam pelbagai genre telah dihasilkan—daripada ilmu agama hingga ilmu sains dan teknologi.⁴ Salah satunya ialah genre adab-adab ilmu, iaitu perihal menuntut dan menyebarkan ilmu. Genre ini berperanan memelihara budaya ilmu Islami agar ilmu dipelajari sesuai dengan maksud yang sepatutnya, yakni sebagai manfaat bagi para pelajar dan pemangkin kemajuan tamadun Islam di Alam Melayu.⁵

Dalam artikel ini, salah satu manuskrip risalah Alam Melayu yang tergolong dalam genre tersebut akan dibincangkan. Risalah ini berjudul *Tanbīh al-Tullāb*, sebuah karya yang belum pernah dikaji sebelum ini. Risalah ini ditulis dalam bentuk syair berbahasa Arab. Hal ini menarik dan menjadikannya istimewa kerana banyak karya lain dalam genre yang sama ditulis dalam bentuk

1. Untuk mendalami kajian-kajian yang menjelaskan peranan utama ilmu dalam tamadun Islam, lihat Franz Rosenthal, *Knowledge Triumphant: The Concept of Knowledge in Medieval Islam* (Leiden: E. J. Brill, 1970); Wan Mohd Nor Wan Daud, *Konsep Ilmu dalam Islam*, terj. Rosnani Hashim (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994); idem, *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of The Original Concept of Islamization* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1998); dan Osman Bakar, *Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophies of Science* (Kuala Lumpur: Institute for Policy Research, 1992).
2. Lihat Burhān al-Dīn al-Zarnujī, *Ta'lim al-Muta'allim Tarīq al-Ta'allum*, suntingan Muṣṭafā 'Ashūr (Kaherah: Bulaq, 1986) dan Mukhlis Nugraha, "Konsep Ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah dan Kepentingan Amalannya dalam Kurikulum Pendidikan Islam," *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 10 (2017): 109–114.
3. Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Bangi: Penerbit UKM, 2011), 3; dan idem, *Historical Fact and Fiction* (Johor Bahru: UTM Press, 2011), xv.
4. Lihat Harun Mat Piah et al., *Traditional Malay Literature* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002) dan Siti Hawa Salleh, *Malay Literature of the 19th Century*, terj. Quest services (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2010).
5. Wan Mohd Nor Wan Daud, *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini* (Kuala Lumpur: CASIS-HAKIM, 2019), 165–190.

prosa.⁶ Namun demikian, bagi memudahkan para pelajar dan pembaca yang tidak mahir berbahasa Arab, penulisnya telah menyediakan terjemahan antara baris (*interlinear translation*) dalam bahasa Jawi. Oleh itu, risalah ini wajar ditulis semula dan kandungannya perlu dikaji dengan lebih mendalam. Sehubungan itu, kajian dalam artikel ini memberi perhatian kepada dua aspek utama, iaitu kajian teks dan penelitian kandungan. Artikel ini dimulakan dengan tinjauan terhadap aspek kodikologi manuskrip *Tanbīh al-Tullāb*, yang merangkumi penjelasan berkenaan kewujudan naskhah, repositori, aspek dan struktur fizikal naskhah, saiz, kertas atau alas tulis (*writing surface*), tera air (*watermark*), dan sebagainya.⁷ Seterusnya, sebuah edisi kritikal teks *Tanbīh al-Tullāb* dihasilkan menggunakan pendekatan filologi.⁸ Artikel ini turut mengemukakan penelitian awal terhadap isi kandungan teks. Kajian mendapati bahawa teks ini membentangkan nasihat dan peringatan buat para penuntut ilmu menurut perspektif Islam di Alam Melayu. Melalui kajian teks dan analisis kandungan ini, diharapkan agar beberapa aspek pemikiran pendidikan Islam di Alam Melayu dapat diperjelaskan lagi melalui penerokaan terhadap penulisan manuskrip Melayu berbentuk syair, di samping penghasilan sebuah edisi kritikal bagi teks *Tanbīh al-Tullāb*.

Pengenalan Manuskrip *Tanbīh al-Tullāb*

Dari segi bentuk, *Tanbīh al-Tullāb* menyerupai karya-karya lain dalam genre yang sama kerana turut mengandungi *Bāb al-Ādāb*. Namun, karya ini berbeza kerana dikarang dalam bentuk nazam atau syair.⁹ Bahasa yang digunakan ialah

6. Mohd Anuar Mamat, “Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15 (2017): 66–88; Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh, “Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional,” *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu* 3, no. 2 (2015): 121–129; dan Rosnani Hashim, *Reclaiming the Conversation: Islamic Intellectual Tradition in the Malay Archipelago* (Kuala Lumpur: The Other Press, 2010).
7. Kodikologi merupakan kajian terhadap aspek dan struktur fizikal sesebuah manuskrip. Francois Deroche mentakrifkan kodikologi sebagai: “a study of the material aspects of codices, that is, manuscript books comprising a series of gatherings or quires, of sheets.” Lihat Francois Deroche et al., *Islamic Codicology: An Introduction to the Study of Manuscripts in Arabic Script* (London: al-Furqan Islamic Heritage Foundation, 2006), 11; dan Wan Ali Wan Mamat, *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988).
8. Filologi merujuk kepada kajian berkaitan teks dalam sesebuah manuskrip dan penulisan semula teksnya sebagaimana yang ditulis atau hampir dengan penulis asalnya. Antara kajian dan buku berkaitan filologi Arab dan Melayu, lihat Akram Diyā’ al-‘Umārī, *Dirāsāt Tārīkhīyah ma’ā al-Taṭīqah fī Manhaj al-Baḥth wa Ṭahqīq al-Makhtūṭāt* (Madinah: al-Jāmi’ah al-Islāmiyyah, 1983); al-Sayyid Razzāq al-Tawīl, *al-Muqaddimah fī Usūl al-Baḥth wa Ṭahqīq al-Turāth* (Kaherah: Dār al-Hudā, 1988); Ramaḍān ‘Abd al-Tawwāb, *Manāhij Ṭahqīq al-Turāth bayna al-Qudāmā’ wa al-Muḥaddithīn* (Kaherah: Maktabah al-Khānījī, 2002); Wan Suhaimi Wan Abdullah, “Kajian Manuskrip *al-Muṭabar fī al-Hikmah (Kitāb al-Nafs)*” Karangan Abū al-Barakāt al-Baghḍādī (547 H/1152 M): Ke Arah Suatu Kaedah Suntingan Ilmiah Warisan Manuskrip Melayu Islam,” *AFKAR* 6 (2005): 273–304; dan Oman Fathurrahman, *Filologi Indonesia: Teori dan Metode* (Jakarta: Prenadamedia Group, 2015).
9. M. Mustaqim Mohd Zarif dan Mohd Anuar Mamat, “*Bāb al-Ādāb* (MSS2906A): Analisis dan Transliterasi Beranotasi Sebuah Nazam Mengenai Adab Belajar,” *Jurnal Filologi Melayu* 25 (2018): 132–152.

bahasa Arab dalam bait-bait utamanya, tetapi terdapat juga terjemahan antara baris dalam bahasa Jawi. Karya ini ditulis sedemikian bagi memudahkan para pelajar yang masih baharu dalam usaha memahaminya. Selain itu, syairnya juga mudah dihafal kerana bentuk puisinya dapat dibaca secara berirama dengan pelbagai alunan suara. Gaya penulisan seperti ini merupakan salah satu keunikan kepengarangan manuskrip Melayu yang mencerminkan daya kreatif para ulama Melayu. Banyak manuskrip Melayu ditulis menggunakan struktur puisi, syair atau nazam.¹⁰ Selain itu, gaya penulisan berpuisi ini juga dapat ditemui dalam genre lain seperti akidah, fiqh, tasawuf dan sirah. Antara contoh yang boleh disebut ialah *Nazam Aqīdat al-ʿAwwām*, *Nazam Ṣifāt Dua Puluh*, *Nazam Kanz al-Ulā* dan *Tahliyat al-Wildān*.

Dari segi bahasa, nazam bermaksud “susunan” atau “gubahan puisi.”¹¹ Secara istilahnya, nazam ialah sejenis bentuk penulisan berbahasa Arab seumpama syair yang mempunyai susunan rangkap mengikut *wazan* tertentu. Namun, nazam lebih bebas daripada keterikatan sebagaimana syair Melayu. Istilah nazam juga mengisyaratkan bahawa kandungan syair tersebut berasaskan nilai-nilai Islam, puji-pujian kepada Rasulullah, serta berfungsi sebagai wadah untuk memperjelaskan pelbagai bidang ilmu dalam bentuk matan.¹² Nazam juga disebut sebagai *bayt*. Gayanya hampir sama dengan syair Melayu, namun tradisi penulisan syair kebiasaannya bersifat lebih terikat dan bercirikan Melayu.¹³ Berhubung perihal ini, Za’ba menjelaskan:

Shair “*bayt*,” jenis (shair) tadi dalam bahasa Melayu biasa disebut nazam; rangkapnya dihitung dua-dua kerat serangkap. Melihat yang di atas itu terkarang mengikut timbangan yang dinamai “*bahar rajaz*” dalam kaedah syair Arab. Pertentangan bunyinya yang biasa dibuat dalam bahasa Arab ialah disamakan bunyi hujung antara dua kerat yang menjadikan *bayt* itu sahaja; lain *bayt* lain pula bunyinya yang sama itu.¹⁴

Beliau menyambung lagi: “Tetapi dalam bahasa Melayu kerap dibuat orang seperti dalam *mithal* itu tadi, iaitu bunyi hujung kerat yang keduanya sahaja disamakan antara tiap-tiap *bayt* hingga seberapa banyak.”¹⁵ Tambahnya lagi: “Cara *nazam* yang lebih biasa dibuat itu ialah tiap-tiap *bayt* disamakan bunyi

10. Ibid.

11. *Kamus Dewan Edisi Keempat*, s.v. “nazam.”

12. Md Salleh Yaapar et al., *Kamus Kesusasteraan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021), 245–246.

13. Za’ba, *Ilmu Mengarang Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965), 239.

14. Ibid.

15. Ibid.

hujung antara dua keratnya sahaja, tetapi berlainan dengan bunyi hujung yang sama pada *bayt-bayt* yang lain.”¹⁶ Menurut Za’ba juga, nazam ialah sejenis puisi keislaman yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu.¹⁷

Tambahan pula, bentuk nazam dalam bahasa Melayu kadangkala tidak lagi mematuhi peraturan nazam bahasa Arab, sebaliknya menampilkan ciri dan identiti Melayu tersendiri. Hal ini dapat diperhatikan dalam *Nazam Tanbīh al-Tullāb*, yang syairnya tidak lagi terikat dengan kaedah syair Arab. Namun demikian, pengaruh bahasa Arab masih terserlah dalam penyusunan bait dan iramanya yang berteraskan *bahar rajaz*. Perlu dijelaskan bahawa dalam konteks penghasilan *Nazam Tanbīh al-Tullāb*, pengaruh syair Arab masih wujud, namun sukar ditentukan secara tepat berdasarkan disiplin *ʿArūd*. Kajian lanjut menunjukkan bahawa *Tanbīh al-Tullāb* tidak menepati mana-mana timbangan syair atau *bahr* dalam ilmu *ʿArūd* secara khusus. Syairnya hanya kelihatan paling hampir dengan *bahar rajaz*. Disebabkan terdapat banyak pembuangan *ḥarakāt*, hal ini menyukarkan pengkaji melakukan transliterasi teks dan menentukan baris untuk mengekalkan keserasian jumlah suku kata pada perkataannya. Tambahan pula, kualiti ortografi penulis manuskrip memungkinkan berlakunya kesilapan ketika menyalin semula teks *Tanbīh al-Tullāb*.

Dari segi populariti, *Tanbīh al-Tullāb* tidaklah semasyhur beberapa manuskrip pendidikan berbentuk puisi atau nazam yang lain, terutamanya *Bāb al-ʿAdāb*. Walau bagaimanapun, karya ini tetap penting kerana memuatkan nasihat bagi para pelajar dalam konteks Alam Melayu. Berdasarkan kajian dan tinjauan yang dijalankan, hanya dua naskhah manuskrip ini ditemui dan kedua-duanya tersimpan di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Carian melalui pelbagai repositori lain, sama ada dalam atau luar negara, tidak menemukan naskhah tambahan bagi karya ini. Naskhah pertama diberi judul *Nazam Tanbīh al-Tullāb* (MSS 2378[E]), dan naskhah kedua berjudul *Tanbīh al-Tullāb* (MSS 4315[E]).¹⁸ Walaupun terdapat sedikit perbezaan pada judul yang diberikan oleh kurator PKMM, semakin teliti menunjukkan bahawa kedua-duanya merujuk kepada karya yang sama dari segi kandungan. Penambahan perkataan *Nazam* pada judul naskhah pertama boleh dianggap sebagai inisiatif pihak kurator PKMM untuk menandakan bentuk penulisan karya ini. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa judul sebenar karya ini ialah *Tanbīh al-Tullāb*. Fakta ini selaras dengan pernyataan jelas dalam rangkap ke-26 karya ini:¹⁹

16. Ibid.

17. Ibid.

18. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2000), 92; dan *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Ketujuh* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2012), 75.

19. MSS2378, f.26v dan MSS4315, Bf.17r, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

*Sammaytuhu tanbīha al-tullābi;
li-rahmati al-muḥaymini al-wahhābi.*

Aku namai akan dia dengan *Tanbīh al-Tullāb*;
bagi rahmat Tuhan yang Amat Besar lagi yang Amat Mengurniai.

Berdasarkan bait tersebut, jelaslah bahawa judul sebenar karya ini ialah *Tanbīh al-Tullāb*. Judul dalam bahasa Arab ini sesuai dengan kandungannya yang turut dikarang dalam bahasa Arab. Kalimah *tanbīh* bermaksud “peringatan,”²⁰ manakala *tullāb* ialah bentuk jamak bagi *tālib*, yang bererti penuntut.²¹ Dalam penggunaan bahasa Arab dan tradisi penulisan Alam Melayu, *tālib* atau *tullāb* lazimnya merujuk kepada penuntut ilmu, murid, atau pelajar, khususnya dalam bidang agama. Maka, jelaslah bahawa *Tanbīh al-Tullāb* merupakan sebuah karya syair yang menghimpunkan peringatan buat para murid tentang kepentingan adab menuntut ilmu.

Dari segi kepengarangan, agak sukar untuk merumuskan identiti pengarang dan tarikh karangan. Hal ini kerana tiada catatan khusus yang dapat ditemui tentang kedua-duanya. Satu-satunya catatan terdapat pada akhir karya berbunyi: “bahawa empunya kitab ini ialah seorang fakir (*ṣāhib kitāb ḥādḥā faqīr*).”²² Istilah *faqīr* sebagai identifikasi pengarang hanyalah gelaran atau nisbah dan bukan nama sebenar. Istilah tersebut menggambarkan kerendahan hati penulis sebagai seorang yang miskin, sentiasa berkehendak dan berhajat kepada Allah. Fenomena memperkenalkan diri sebagai *faqīr* juga merupakan kebiasaan dalam dunia kepengarangan manuskrip Melayu.²³

Dari segi kandungan, *Tanbīh al-Tullāb* hanya terdiri daripada 32 bait. Walaupun ringkas, karya ini amat menarik dan berbeza daripada karya lain kerana memberi perhatian kepada peringatan penting buat para pelajar, khususnya yang baharu, agar tidak tersalah niat dan terkeliru dalam menetapkan tujuan belajar serta adabnya. Sebagai contoh, *Tanbīh al-Tullāb* menjelaskan kepentingan pendidikan, kefarduan menuntut ilmu, tujuan pendidikan, persoalan niat, serta tiga kategori utama pelajar. Aspek pemikiran pendidikan ini menarik dan wajar diteliti dengan lebih mendalam pada bahagian seterusnya.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, hanya dua naskhah karya ini ditemui. Yang berikut ialah penjelasan lanjut berkenaan aspek fizikal dan deskripsi kedua-dua manuskrip tersebut. Naskhah pertama, *Naẓam Tanbīh al-Tullāb* (MSS 2378), merupakan judul kelima daripada sembilan judul dalam

20. *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, s.v. “*tanbīh*.”



21. *Ibid.*, s.v. “*tullāb*.”

22. MSS 2378, f.27v.

23. Muhammad Haji Salleh, “Memperbaharui Pengarang,” dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997), 183–210; Ding Choo Ming, *Kajian manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2003); dan Noriah Mohamed dan Yusmilawati Yunos, “Perlambangan dalam teks campur bawur” *Jurnal Filologi Melayu* 14 (2006): 129–156.


koleksi tersebut. Secara keseluruhan, MSS 2378 mengandungi 86 folio, bersaiz 22 x 16 sm. Alas penulisan menggunakan kertas *laid* Eropah berwarna putih kebiruan, kecuali folio 36–50 yang berwarna kekuningan. Terdapat kesan air di sekeliling kertas, namun manuskrip ini masih dalam keadaan baik tanpa kesan koyak atau lusuh yang menjejaskan teks. Dua tera air (*watermark*) dikenal pasti, iaitu (1) ALL INGLESE dan (2) IOS & EM.RAPH AZULYA. Secara umum, teks MSS 2378 ditulis dengan dakwat hitam, menggunakan rubrikasi bagi perkataan tertentu dalam bahasa Melayu, ayat-ayat berbahasa Arab, serta petikan ayat al-Qurʾān. Tulisan naskhah ini tidak begitu kemas tetapi dapat dibaca dengan baik. Manuskrip dijilid dengan kulit berwarna perang kehitaman, dan kurasnya dihajit kemas. Oleh itu, struktur fizikal manuskrip ini masih terpelihara dengan baik. Teks *Tanbīh al-Tullāb* merupakan teks kelima dalam koleksi ini dan diberi nombor rujukan MSS 2378(E). Teks ini terdiri daripada sepuluh baris, bermula pada folio 25v hingga 27r. Teks ini lengkap dan ditulis dalam bahasa Arab dengan terjemahan antara baris dalam bahasa Jawi.²⁴

Gambar 1: Manuskrip *Tanbīh al-Tullāb* MSS 2378

	
MSS 2378	Tera air MSS 2378

24. *Katalog Manuskrip Melayu*, 92.

Gambar 2: Halaman pertama dan terakhir MSS 2378

	
Halaman pertama <i>Tambih al-Tullāb</i>	Halaman terakhir <i>Tambih al-Tullāb</i>


Naskhah kedua yang mempunyai judul yang sama berada dalam koleksi manuskrip MSS 4315 dan merupakan judul kelima daripada enam judul dalam koleksi tersebut. MSS 4315 mengandungi sebanyak 26 folio, bersaiz 20.6×14.7 sm. Alas penulisannya juga menggunakan kertas *laid* Eropah berwarna putih kekuningan. Terdapat kesan tompokan dan kotoran pada halaman manuskrip, namun teks masih berada dalam keadaan baik. Tiga tera air telah dikenal pasti, iaitu (1) Ayam, (2) *Fleur-de-Lis*, dan (3) *Coat of Arms* dengan corak berbentuk *zig-zag* di bahagian dalamnya. Secara umum, teks MSS 4315 ini ditulis dengan dakwat berwarna hitam, menggunakan rubrikasi bagi perkataan-perkataan tertentu dalam bahasa Melayu dan bagi ayat-ayat berbahasa Arab. Tulisan manuskrip ini tidak seragam dan berkemungkinan ditulis oleh beberapa penulis yang berbeza. Walaupun begitu, kepelbagaian tulisan tersebut menarik untuk diperhatikan dan masih dapat dibaca dengan jelas. Terdapat juga ilustrasi pada folio 1v. dan folio 11v., berbentuk kubah berbingkai dengan satah geometri yang terdiri daripada gabungan segi tiga, garis lurus, segi empat tepat, serta corak lingkaran daun berwarna merah. Selain itu, terdapat tulisan *Basmalah* dan *tahlil*. Manuskrip ini berjilid nipis dan dibalut dengan kain songket berjalur biru. MSS 4315 ini turut mempunyai struktur fizikal yang baik dan terpelihara. Dari segi teksnya, manuskrip ini merupakan teks kelima dalam koleksi tersebut dan diberi nombor rujukan MSS 4315(E). Setiap halaman mengandungi tujuh baris teks dan bermula pada folio 15v. hingga 17r. Teks *Tambih al-Tullāb* ini ditulis lengkap dalam bahasa Arab dengan terjemahan antara baris dalam bahasa Melayu.²⁵

25. *Katalog Manuskrip Melayu: Tambahan ketujuh*, 75.

Gambar 3: Manuskrip *Tanbīh al-Tullāb* MSS 4315



Gambar 4: Halaman pertama dan terakhir MSS 4315



Secara keseluruhannya, kedua-dua naskhah ini sama dari segi kandungan. Kedua-duanya mempunyai 32 bait. Namun, setelah diteliti dengan lebih mendalam, masing-masing memperlihatkan tambahan dan pengurangan sebanyak satu bait. Bait terakhir pada MSS 2378 tidak terdapat dalam MSS 4315, manakala MSS 4315 pula mengandungi satu bait tambahan. Walau bagaimanapun, semua bait lain menunjukkan ketekalan dan keselarasan antara kedua-dua salinan tersebut. Begitu juga dengan teks utama berbahasa Arab yang menampilkan ketekalan dan keselarasan, dengan hanya sedikit perbezaan serta variasi bacaan yang kecil. Kualiti ortografi teks Arab pula tidak begitu baik kerana terdapat banyak kekeliruan dan kesalahan ejaan. Terdapat juga beberapa istilah atau perkataan yang tidak dijumpai dalam bahasa Arab. Hal

ini menyukarkan usaha menghasilkan edisi kritikal teks ini. Namun begitu, fenomena ini ditangani dengan berhemat berpandukan kaedah kajian filologi teks Jawi. Sedikit suntingan telah dibuat terhadap teks utama, manakala varian bacaan alternatif dikekalkan dalam nota kaki perbandingan teks (*apparatus criticus*) bagi rujukan para pembaca. Selain itu, sebahagian teks Arab dalam manuskrip telah dibariskan (*tashkīl*), namun setelah diteliti semula, terdapat banyak penggunaan baris yang tidak selaras dengan aturan ilmu nahu.

Berhubung terjemahan antara baris, terdapat sedikit perbezaan antara MSS 2378 dan MSS 4315. MSS 4315 menampilkan terjemahan yang lebih terperinci, manakala MSS 2378 menawarkan terjemahan yang lebih ringkas. Dalam MSS 4315, terdapat tambahan perkataan yang kelihatan melengkapkan terjemahan MSS 2378. Semua perbezaan ini akan dikemukakan secara terperinci dalam edisi kritikal yang membandingkan kedua-dua teks naskhah tersebut. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penyalin kedua-dua naskhah ini ialah dua orang yang berbeza atau lebih. Berdasarkan maklumat kodikologi, berkemungkinan besar MSS 2378 telah muncul lebih awal daripada MSS 4315. Justeru, MSS 2378 dijadikan asas dan sumber utama bagi penulisan artikel ini, penyediaan edisi kritikal, dan juga pemilihan sebagai sumber analisis teks. Naskhah MSS 4315 pula dijadikan bahan perbandingan untuk melihat alternatif bacaan dan variasi teks.

Analisis Kandungan

Tanbīh al-Tullāb merupakan karya nazam yang penting sebagai peringatan buat para penuntut ilmu di Alam Melayu, khususnya pada kurun ke-19. Walaupun tidak sebesar peranan *Kitāb Bāb al-Ādāb*, yang lebih komprehensif dalam menjelaskan persoalan adab pendidikan,²⁶ *Tanbīh al-Tullāb* tetap signifikan kerana tergolong antara karya terawal yang dihasilkan dalam genre ini. Kebiasaannya, perbincangan tentang ilmu di Alam Melayu dimuatkan sebagai salah satu bab atau fasal dalam karya bidang lain seperti akidah, hadis, fiqh, dan tasawuf.²⁷ Oleh itu, karya-karya khusus yang membentangkan perbincangan berkenaan ilmu agak sukar diperoleh. Maka, kewujudan karya yang memberikan perhatian khusus kepada topik ini boleh dianggap sebagai sesuatu yang istimewa. Dari segi kemasyhuran, teks ini turut mendapat perhatian para penyalin manuskrip sehinggakan kedua-dua naskhah yang ditemui ditulis bersama *Kitāb Bāb al-Ādāb*. Keadaan ini seolah-olah menunjukkan bahawa karya ini berfungsi sebagai pelengkap dan penegasan terhadap peringatan penting buat para penuntut ilmu, sedangkan *Kitāb Bāb al-Ādāb* hanya membincangkan adab menuntut ilmu secara umum.²⁸

26. M. Mustaqim dan Mohd Anuar, "Bab al-Adab (MSS2906A)," 132–152.

27. Mohd Anuar, "Manuskrip Melayu," 67.

28. M. Mustaqim dan Mohd Anuar, "Bab al-Adab (MSS2906A)," 142–152.

Peringatan pertama yang dikemukakan berkaitan dengan asas dan sumber pendidikan Islam. Penulis menjelaskan hal ini dalam bait-bait awal sebagai pengantar teks. Beliau menyebut bahawa Rasulullah, keluarga baginda, dan para sahabat merupakan contoh serta diumpamakan sebagai ubat yang menyembuhkan penyakit umat Islam, khususnya dalam konteks nazam ini yang berkaitan dengan isu penuntut ilmu. Pada bait kedua dan ketiga,²⁹ penulis *Tanbīh al-Tullāb* mengungkapkan:

*Thumma al-ṣalātu salāmu al-fattāhi;
‘alā al-nabiyyi al-amri al-saḥīhi.*

Kemudian bermula rahmāt Allah dan salam Allah yang membukai;
atas Nabi, menyuruh ia lagi yang sahīh ia.

*Wa ālihi wa ṣaḥbihi ūlī al-quwā;
laqad yakūnu amruhum mithla al-dawā.*

Dan atas segala keluarganya dan atas segala sahabatnya yang kuat
pada agama;
sanya adalah suruhan mereka itu seumpama ubat.

Kemudian, pada bait ke-24,³⁰ penulis menegaskan bahawa sumber penulisan nazam ini ialah *ḥadīth* sahīh dan *āthār* para sahabat. Hal ini menunjukkan bahawa dalam segala bidang ilmu, khususnya pendidikan dan usaha menuntut ilmu, al-Qur’ān, *ḥadīth* dan *āthār* sahabat merupakan sumber serta panduan utama. Penulis menyebut:

*Qad naqaltu dhā min al-akḥbārī;
kadhālika aydan ‘an al-āthārī.*

Dan sungguh aku naqal kitab ini daripada *hadith* yang sahīh;
demikian juga daripada khabar para ulama dahulu.

Peringatan kedua pula berkaitan dengan niat dan tujuan menuntut ilmu, yang merupakan perkara utama. Karya ini turut mengingatkan bahawa niat yang salah boleh membawa keburukan dan menjerumus kepada maksiat.³¹ Bagi pihak guru pula, kesalahan mengajar kerana niat yang tidak betul dianggap sebagai bersubahat dengan penuntut ilmu dalam kesalahan tersebut. Niat yang benar dalam menuntut dan mengajarkan ilmu akan menghidupkan agama serta meninggikan syariat dalam diri kedua-dua pihak dan meningkatkan mutu amal ibadah seseorang. Penulis bermadah:³²

29. MSS2378, f.26r dan MSS4315, f.15v.

30. MSS2378, f.27r dan MSS4315, f.17r.

31. MSS2378, f.26r dan MSS4315, f.15v.

32. MSS2378, f.26r dan MSS4315, f.15v.

Wa ba'du fa al-niyyatu sihh yā sāhi;

Li Allāh fī talabī al-ʿilmi al-naṣiḥi.

Dan kemudian dari itu maka sahkan olehmu akan niat hai saudaraku; bagi Allah pada menuntutkan ilmu yang memberi nasihat.

Faqad jazāka Allāhu wa al-muʿallimā;

Khayran wa illā fasada in ʿulimā.

Maka sanya membalas akan dikau oleh Allah Taala dan akan orang yang belajar kebajikan; dan jika tiada niat bagi Allah Taala nescaya binasalah, jika mengetahui ia.

Li annahu aʿnaka fī al-maʿsiyah;

Fa ishtaraka huwa anta fī al-baghiyyah.

Kerana bahawasanya menolong akan dikau pada maksiat, maka *mushārakah*-lah dengan syaitan dan engkau lah derhaka.

Berhubung tujuan menuntut ilmu, *Tanbīh al-Ṭullāb* menggariskan dua tujuan utama: pertama, menghidupkan hukum syarak dan memahami agama berdasarkan wahyu Allah (*kalam al-Shāriʿ*); dan kedua, meningkatkan amal ibadah kepada Allah serta beristiqamah dalam beramal. Penulis mengungkapkannya:³³

Aw bihi aqṣadta hayāta al-sharʿi;

aw bihi al-iʿlām maqāla al-shāriʿi.

Atau mengkasadkan dengan menuntutkan ilmu akan menghidupkan hukum syarak; atau mengkasadkan menuntut ilmu kerana mengetahui ia akan kata *Shāriʿ*.

Lakinnahu bi shartīhi an yaʿmalā;

Wa law yakūnu murratan lā sāfilā.

Tetapinya dengan syaratnya bahawa mengamal ia; dan jikalau adalah amal itu pahit sekalipun tiada terkebawah ia.

Dalam peringatan ketiga, *Tanbīh al-Ṭullāb* membahagikan penuntut ilmu kepada tiga golongan. Pertama, golongan yang benar dan berjaya menuntut ilmu; kedua, golongan yang menempah bahaya dan keburukan, digelar *al-mukhāṭir*; dan ketiga, golongan yang terpedaya dalam menuntut ilmu, digelar *al-maghḥrūr*. Pembahagian ini dibuat berdasarkan niat dan tujuan seseorang penuntut ilmu serta adab mereka ketika menuntutnya. Golongan pertama ialah penuntut ilmu yang mengetahui adab menuntut ilmu dan melaziminya. Mereka dianggap sebagai *ahl al-khayr* kerana kesungguhan mereka dalam mencari dan mengamalkan ilmu. Dua golongan lain pula tidak mematuhi adab menuntut ilmu, lalu tersesat daripada matlamat pendidikan hakiki. Mereka menyangka ilmu mendekatkan diri kepada Allah, tetapi hakikatnya hanya membawa

33. MSS2378, f.26v dan MSS4315, f.16r.

kepada kesia-siaan kerana mengabaikan amal atau memiliki niat yang salah serta sifat-sifat buruk seperti takbur dan bermegah dengan ilmu. Penulis *Tanbīh al-Tullāb* mengungkapkan:³⁴

*Wa lam bi annahu thalāthan qussimā;
fa al-awwalu tālibuhu qad ‘ulimā.*

Dan ketahui olehmu dengan bahawasanya menuntut ilmu itu dengan tiga bahagi;
maka bahagi yang pertama menuntut ilmu yang sanya diketahui orang akan dia.

*Fa hādhā ma ‘ūdun min ahli al-khayri;
wa al-thānī tālibun li nahwi al-kibri.*

Maka inilah yang dibilangkan oleh *ahli al-khayr*. Bermula bahagi yang kedua menuntut ilmu bagi seumpama takabbur. manakala yang kedua ialah mereka yang menuntut ilmu untuk kesombongan.

*Fa innahu kāna min al-mukhātiri;
wa al-thālithu wa huwa min al-maghrūri.*

Maka bahawasanya takabbur itu adalah ia daripada yang dicebur oleh syaitan.
Bermula bahagi yang ketiga dan iaitu daripada yang *maghrūr*.

*Huwa alladhī yatlubuhu ma ‘a zannihi;
Yugarrribuhu bi ‘ilmihi min rabbihi.*

Iaitu sa-ladhī menuntut akan ilmu serta zann-nya;
menghampir dengan sebab ilmunya kepada Tuhannya.

*Min ghayri an yakūna ‘amalan bih;
bi-mā dhakartu yā akhī fa intabih.*

Daripada tiada bahawa ada ia amal dengan dia;
Dengan barang yang aku sebut hai saudara aku, maka ingatkan olehmu.

Berdasarkan bait-bait di atas, jelas bahawa *Tanbīh al-Tullāb* memberi peringatan agar para penuntut ilmu berhati-hati dalam menuntut ilmu. Penulis mengingatkan bahawa mereka boleh terdedah kepada gejala yang menyelewengkan niat asal dan merosakkan usaha murni menuntut ilmu kerana Allah. Jika diteliti, tema ini turut disentuh oleh al-Ghazālī dalam *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*,³⁵ Ibn Jawzī dalam *Ṣayd al-Khāṭir*,³⁶ dan Shaykh ‘Abd al-Ṣamad al-Fālimbānī dalam *Hidāyat al-*

34. MSS2378, f.26v dan MSS4315, f.16r.

35. Lihat khususnya dalam Abū Hāmid al-Ghazālī, “Kitāb Dhamm al-Ghurūr,” dalam *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, jil. 6 (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2011), 605–636; dan Md Asham Ahmad, *Kecelakaan Tipu Daya* (Kuala Lumpur, IKIM, 2017).

36. ‘Abd al-Rahmān bin ‘Alī bin Jawzī, *Ṣayd al-Khāṭir* (Beirut: Dār al-Jil, 1993).

Sālikīn.³⁷ Semua ulama ini turut membincangkan fenomena kesalahan dan kekeliruan dalam menuntut ilmu, sebagaimana juga para sarjana lain dalam bidang akidah, fiqh, dan tasawuf.

Kaedah Penghasilan Teks Edisi Kritikal *Tanbīh al-Tullāb*

Proses tahkik dan penghasilan edisi kritikal merupakan usaha untuk mengenal pasti serta menyalin semula teks sesuatu karya agar selaras dengan maksud sebenar pengarang asal, atau sekurang-kurangnya paling hampir dengan kehendaknya.³⁸ Menurut para pengkaji manuskrip, proses penghasilan edisi kritikal bermula dengan mengenal pasti manuskrip yang ingin dikaji dan berusaha mendapatkan semua naskhah yang masih wujud.³⁹ Dalam konteks artikel ini, penemuan terhadap kewujudan dua naskhah manuskrip *Tanbīh al-Tullāb* telah dibuat melalui rujukan kepada repositori manuskrip, carian dalam talian, katalog, serta kajian terdahulu yang berkaitan. Kedua-dua naskhah tersebut kini disimpan dalam koleksi PKMM. Setelah dikenal pasti, kedua-dua naskhah diperoleh untuk disemak dan diteliti dari segi aspek kodikologi. Langkah seterusnya ialah menyediakan deskripsi terperinci tentang kedua-dua manuskrip sebagaimana yang telah dikemukakan dalam bahagian pengenalan dan perbincangan kodikologi di atas. Selepas itu, teks bagi kedua-dua manuskrip *Tanbīh al-Tullāb* dibandingkan antara satu sama lain. Hasil daripada perbandingan tersebut, kedua-dua naskhah dijadikan sumber utama dalam penghasilan edisi kritikal ini. Namun demikian, bagi menghasilkan edisi kritikal yang sahih, pengkaji perlu menilai dan memilih satu naskhah untuk dijadikan teks asas (*naskhah umum*).⁴⁰ Setelah penelitian dan penilaian dilakukan, MSS 2378 dipilih sebagai teks asas, manakala MSS 4315 dijadikan teks perbandingan dan sumber alternatif bacaan. Pemilihan MSS 2378 sebagai teks asas dibuat berdasarkan beberapa pertimbangan, antaranya usia manuskrip yang diunjurkan lebih tua berbanding MSS 4315, selain kandungannya yang lebih lengkap serta mutu ortografinya yang lebih baik.

Langkah berikutnya ialah penyalinan semula dan transliterasi teks. Pada peringkat ini, teks MSS 2378 disalin terlebih dahulu, kemudian dibandingkan dengan teks MSS 4315. Proses ini memerlukan ketelitian, dan sebarang perbezaan bacaan yang relevan perlu dicatat dalam nota kaki edisi kritikal

37. ‘Abd al-Ṣamad al-Fālimbānī, *Hidāyat al-Sālikīn* (Pattani: Maṭba‘ah Bin Ḥalabī, t.t.), 6–7.

38. Antara kajian dan buku berkaitan kaedah penghasilan edisi kritikal dan prosedurnya yang dirujuk ialah al-‘Umarī, *Dirāsāt Tārīkhīyah*; al-Tawīl, *Muqaddimah fī Uṣūl al-Baḥth*; ‘Abd al-Tawwāb, *Manāḥij Taḥqīq al-Turāth*; Wan Suhaimi, “Kajian Manuskrip *al-Muṭabar fī al-Ḥikmah (Kitāb al-Nafs)*”; dan Oman Fathurrahman, *Filologi Indonesia*, 69–108.

39. ‘Abd al-Tawwāb, *Manāḥij Taḥqīq al-Turāth*, 59–65; Oman Fathurrahman, *Filologi Indonesia*, 69–74.

40. ‘Abd al-Tawwāb, *Manāḥij Taḥqīq al-Turāth*, 66–69 dan Oman Fathurrahman, *Filologi Indonesia*, 91.

(*apparatus criticus*) bagi tujuan perbandingan bacaan dan bukti semakan. Teks yang telah dibandingkan disemak semula bagi kali kedua, dan pengkaji menilai bacaan yang paling tepat untuk dikekalkan sebagai teks utama, manakala bacaan lain dikekalkan dalam nota kaki. Dalam penyediaan edisi kritikal ini, beberapa simbol, aspek teknikal, dan format telah digunakan. Antaranya ialah simbol [Af.25v] dan [Bf.15v] yang merujuk kepada sumber teks dan folio manuskrip dalam koleksi asal PKMM. Huruf “A” merujuk kepada naskhah asas, iaitu MSS 2378, manakala huruf “B” merujuk kepada MSS 4315. Simbol “f.” menunjukkan *folio*, nombor “25” merujuk kepada folio ke-25, “v.” menandakan halaman *verso* (halaman belakang folio), dan “r.” halaman *recto* (halaman hadapan). Selain itu, beberapa simbol turut digunakan dalam nota kaki teks: simbol “+” menandakan penambahan teks dalam manuskrip berkenaan, manakala simbol “–” menunjukkan pengurangan atau ketiadaan teks. Untuk variasi bacaan atau perbezaan versi teks, pengkaji hanya membuat catatan tanpa menggunakan sebarang simbol.

Dari segi format dan aspek teknikal lain, pengkaji telah membuat beberapa suntingan. Bait-bait nazam dalam *Tanbīh al-Tullāb* dikekalkan sebagaimana yang terdapat dalam manuskrip, iaitu menggunakan bahasa Arab. Walaupun terdapat beberapa isu dalam teks Arab seperti kesalahan tulisan dan ejaan, ketidaktepatan aturan *bahar* dalam ilmu *‘Arūd*, serta penyimpangan dalam aturan baris ilmu nahu, teks ini hanya disunting secara minimum bagi mengekalkan keasliannya. Sebarang perubahan dicatat dalam *apparatus criticus* sebagai rujukan pembaca. Pengkaji turut menambah penomboran bait bagi memudahkan rujukan. Terjemahan antara baris dalam manuskrip asal ditransliterasi tanpa memisahkan rangkap. Terjemahan tersebut menggunakan kaedah penulisan semasa, manakala perkataan Arab yang digunakan ditransliterasi mengikut format penulisan akademik. Istilah kuno (arkaik) yang terdapat dalam teks *Tanbīh al-Tullāb* dijelaskan maknanya dalam nota kaki dengan merujuk kepada *Kamus Dewan* dan kamus-kamus yang lain.⁴¹

41. Antaranya ialah R.J. Wilkinson, *A Malay-English Dictionary* (Singapore: Kelly and Walsh Limited, 1901).

Edisi Kritikal Teks *Tanbīh al-Tullāb*

[Af.25v][Bf.15v]

No Bait

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bi ismi Allāh al-Rahmān al-Rahīm

[1] الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى جُلِّ النِّعَمِ بِحَمْدِ الْمُدَخَّرِ⁴² مَدَّةَ الدَّوَامِ

Al-ḥamdu li Allāh ‘alā julli ‘al-ni‘ami;

bi ḥamdi al-muddakhiri muddatu al-dawāmi.

Segala puji-pujian bagi Allah atas yang besar-besar⁴³ nikmat-Nya⁴⁴
dengan puji yang ditaruhkan⁴⁵ akan pahala selama-lama

[Af.26r] ثُمَّ الصَّلَاةُ سَلَامُ الْفَتَّاحِ عَلَى النَّبِيِّ الْأَمْرِ الصَّحِيحِ

[2]

Thumma al-ṣalāh salāmu al-fattāhi;

‘alā al-nabiyyi al-amri al-ṣaḥiḥi.

Kemudian bermula rahmat Allah dan salam Allah⁴⁶
yang membukai atas Nabi menyuruh ia lagi yang sah⁴⁷ ia

[3] وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أُولِي الْقُوَى لَقَدْ يَكُونُ أَمْرُهُمْ مِثْلَ الدَّوَى

Wa ālihi wa ṣaḥbihi ūlī al-quwā;

laqad yakūnu amruhum mithla al-dawā.

Dan atas segala keluarganya⁴⁸ dan atas segala⁴⁹
Sahabatnya mempunyai kuat pada agama, sanya adalah⁵⁰
suruh mereka itu seumpama ubat

42. MSS2378: *al-muddakhir* (المُدخِر).

43. MSS4315: Sebenar-benar.

44. MSS4315: nikmat.

45. MSS4315: taruh.

46. MSS4315: rahmat dan salam atas.

47. MSS2378: sah.

48. MSS4315: warganya.

49. MSS4315: – segala.

50. MSS4315: + ia.

- [4] وَبَعْدُ، فَالْنِّيَّةُ⁵¹ صَحَّ يَا صَاحَ
لِلَّهِ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ النَّصِحَ
Wa ba‘du fa al-niyyatu ṣiḥh ya sāḥi;
li Allāh fī ṭalabī al-‘ilmi al-naṣiḥi.

Dan kemudian dari itu, maka sahkan olehmu akan niat hai saudaraku,⁵²
bagi Allah pada menuntutkan⁵³ ilmu yang memberi nasihat⁵⁴

- [5] فَقَدْ جَزَاكَ⁵⁵ اللَّهُ وَالْمُعَلِّمًا
خَيْرًا وَإِلَّا فَسَدَ إِنْ عُلِمًا
Faqad jāzāka Allāhu wa al-mu‘allimā;
Khayran wa illā fasada in ‘ulimā.

Maka sanya membalas akan dikau oleh Allah Taala dan⁵⁶ akan
orang yang belajar kebajikan, dan jika tiada niat bagi Allah Taala
nescaya binasalah, jika mengetahui ia

- [6] لِأَنَّهُ أَعَانَكَ فِي الْمَعْصِيَةِ
فَاشْتَرَكَ هُوَ أَنْتَ فِي الْبَغْيَةِ
Li annahu a‘ānaka fī al-ma‘ṣiyah;
fa ishtaraka huwa anta fī al-baghiyyah.

Kerana bahawasanya menolong akan dikau pada maksiat,
maka *mushārah*-lah dengan syaitan dan engkau⁵⁷ lah derhaka

- [Bf.16r] [7] أَوْ بِهِ أَقْصَدَتْ حَيَاةَ الشَّرْعِ⁵⁸
أَوْ بِهِ الْإِعْلَامَ مَقَالَ الشَّارِعِ

Aw bi-hi aqṣadta ḥayāt al-shar‘i;
aw bi-hi al-i‘lām maqāla al-shāri‘i.

Atau mengkasadkan dengan menuntutkan ilmu akan
menghidupkan hukum syarak atau mengkasadkan menuntut
ilmu⁵⁹ kerana mengetahui ia akan kata *Shāri‘*⁶⁰

51. MSS2378: *fāniyyah* (فانية).

52. MSS4315: – ku.

53. MSS4315: + akan.

54. MSS4315: + ia.

55. MSS2378: *jazaka* (جزك).

56. MSS4315: – dan.

57. MSS2378: *musharak* lah engkau.

58. MSS4315: *shara‘* (شرع).

59. MSS4315: + itu.

60. Yakni kalam atau firman Allah iaitu al-Quran. MSS4315: *shara‘*.

- [8] لَكِنَّهُ بَشْرٌ طَهُ أَنْ يَعْمَلَ وَلَوْ يَكُونُ مَرَّةً لَا سَافِلَا

*Lakinnahu bi shartihī an yaʿmalā;
wa law yakūnu murratan lā sāfilā.*

Tetapinya dengan syaratnya bahawa mengamal⁶¹ ia, dan jikalau adalah amal itu pahit sekalipun tiada terkebawah ia

- [9] وَأَعْلَمَ بِأَنَّهُ ثَلَاثًا قُسِّمًا فَلَا أَوَّلَ طَالِبُهُ قَدْ عَلِمَا

*Wa iʿlam bi annahu thalāthan qussimā;
fa al-awwalu ṭālibuhu qad ʿulimā.*

Dan ketahui olehmu dengan bahawasanya menuntut ilmu itu dengan tiga bahagi; maka bahagi⁶² yang pertama menuntut ilmu yang⁶³ sanya diketahui orang akan dia

- [10] فَهَذَا⁶⁴ مَعْدُودٌ مِنْ أَهْلِ الْخَيْرِ وَالثَّانِي طَالِبٌ لِنَحْوِ الْكِبَرِ

*Fa hādha maʿdūdun min ahli al-khayri;
wa al-thānī ṭālibun li naḥwi al-kibri.*

Maka inilah yang dibilangkan oleh *ahl al-khayr*. Bermula bahagi yang kedua menuntut ilmu bagi seumpama takabbur

- [11] فَإِنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُخَاطِرِ وَالثَّالِثُ وَهُوَ مِنَ الْمَغْرُورِ

*Fa innahu kāna min al-mukhāṭiri;
wa al-thālithu wa huwa min al-maghrūr.*

Maka bahawasanya takabbur itu adalah ia daripada yang dicebur⁶⁵ oleh syaitan. Bermula bahagi yang ketiga dan iaitu daripada yang *maghrūr*

61. MSS4315: mengambil.

62. MSS4315: – maka bahagi.

63. MSS4315: itu.

64. MSS2378: *fā-hādha* (فهذا).

65. Asalnya “*jebur*” (جبر) maksudnya dipengaruhi oleh syaitan. Lihat Wilkinson, *A Malay-English Dictionary*, 248.

[Af.26r] هُوَ الَّذِي يَطْلُبُهُ مَعَ ظَنِّهِ يَقْرِيهِ بِعِلْمِهِ مِنْ رَبِّهِ
[12]

*Huwa alladhī yatlubuhu ma‘a ḡannihi;
Yuqarribuhu bi ‘ilmīhi min rabbihi.*

Iaitu *sa-ladhī*⁶⁶ menuntut akan ilmu serta *ḡann*-nya menghampir⁶⁷ dengan sebab ilmunya kepada Tuhannya

[13] مِنْ غَيْرِ أَنْ يَكُونَ عَمَلًا بِهِ بِمَا ذَكَرْتُ يَا أَخِي فَأَنْتَبِهْ

*Min ḡayri an yakūna ‘amalan bihi;
bi-mā dhakartu yā akhī fa intabihi.*

Daripada tiada bahawa ada ia amal dengan dia. Dengan barang yang aku sebut⁶⁸ hai saudara aku, maka ingatkan olehmu⁶⁹

[Bf.16v] فَأَعْمَلْ مَا عَلِمْتَ لِلَّهِ فَلَا يَكُونُ ذَا لِيَطْلُبِ الْجَاهَ
[14]

*Fa i‘mal mā ‘alimta li al-ilāhi;
fa-lā yakūn dhā li ṭalabi al-jāhi.*

Maka amalkan olehmu dengan barang yang engkau⁷⁰ ketahui kerana Allah, maka tiada ada ini bagi tuntutan akan gah⁷¹

[15] وَإِنْ تَقُمْ حِينًا أَخِي فِي الْعَمَلِ كَمِثْلِهِ بَيْنَ يَدَيِ الْعَدْلِ

*Wa in taqum hīnan akhī fī al-‘amali;
Ka mithlihi bayna yaday al-‘adili.*

Dan jika engkau⁷² berdiri hai saudaraku pada buat amal pada⁷³ satu ketika jadikan olehmu akan dirimu seperti rakyat di hadapan raja yang adil

66. Yakni yang. MSS4315: – sa-ladhi.

67. MSS2378: – menghampir.

68. MSS2378: sebab.

69. MSS4315: + akan dia.

70. MSS4315: kau.

71. MSS4315: bagi tuntutan ilmu itu bagi tuntutan gah.

72. MSS4315: – engkau.

73. MSS2378: daripada amal.

- [16] وَكُنْ بِنَفْسِكَ كَالْعَبْدِ الْخَاطِئِ فِي سَيِّدٍ⁷⁴ وَارْغَبْ⁷⁵ عَنِ الرِّيَاءِ
Wa kun bi nafsika ka'l- 'abdi al-khāṭi';
fī sayyidi wa irghab 'ani al-riyā'.

Dan jadikan olehmu akan dirimu seperti hamba yang tersalah pada penghulunya,⁷⁶ dan jauhkan olehmu daripada riyak⁷⁷

- [17] كَذَلِكَ أَيْضًا عَنِ الْوَسْوَاسِ فَاحْفَظِ اللَّهُمَّ جَمِيعَ النَّاسِ
Kadhālika aydan 'ani al-'waswāsi;
Fa ihfazi Allāhumma jamī'a al-nāsi

Demikian lagi pula daripada was-was,⁷⁸ maka peliharakan olehmu hai Tuhanku akan sekalian manusia

- [18] فَإِنَّهُ تَعَالَى يَقْبَلُ الْعَمَلَ مِنْ عَامِلٍ قَدْ أَخْلَصَ عَنِ الشَّغْلِ
Fa innahu ta'ālā yaqbilu al-'amal;
min 'āmilin qad akhlaṣa 'an al-shaghal.

Maka bahawa⁷⁹ Allah Taala menerima⁸⁰ akan amal⁸¹ yang sanya ikhlas hatinya daripada bimbang

- [19] وَإِذَا ابْتَلَيْتَ بِهِ فَاسْتَغْفِرْ عَقِبَهُ مِنْ رَبِّهِ السَّاتِرِ
Idhā ibtalayta bihi fa istaghfir;
aqibahu min rabbihi al-sātir.

Apabila kena bala engkau dengan dia, maka menuntut⁸² ampun olehmu di belakangnya daripada Tuhanmu yang menutup sekalian yang aib⁸³

74. MSS4315: *sayyidihi* (سيده).

75. MSS4315: *wa-ir'ab* (وارعب).

76. MSS4315: – nya.

77. MSS4315: riyaknya.

78. MSS4315: +nya.

79. MSS4315: sanya.

80. MSS4315: itu menerima ia.

81. MSS4315: + daripada.

82. MSS4315: tuntut.

83. MSS4315: penutup yang aib.

[20] وَجِدْ فِي الصَّبْرِ عَلَى عُمُرِ الْعَمَلِ لَتَرْجُوا نِعْمَةً مِنْ بَعْدِ الْأَجَلِ
*Wa-jid fi al-ṣabr ‘alā ‘umuri al-‘amal;
 li-tarjū ni‘matan min ba‘di al-‘ajal.*

Bersungguh-sungguhkan pada sabar atas seumur
 amal, supaya engkau⁸⁴ beroleh akan nikmatnya⁸⁵
 daripada kemudian hari Kiamat

[Bf.17r] كَمَا يَقُولُ لِلْمَرِيضِ صَبْرًا⁸⁶ بِمُرَّةِ الدَّوَاءِ لَيَرْجُوا الْبَرَاءَ
 [21] *Kamā yaqūlu li al-marīḍi ṣabrā;
 bi-murrati al-dawā’i li-yarjū al-barrā.*

Seperti barang yang ada ia bagi orang⁸⁷ sakit itu,
 sabar dengan pahit ubat kerana harap akan sembuh⁸⁸

[Af.27r] كَذَلِكَ أَيْضًا عَلَى النَّوَاهِي فَتَجِدُ الْفَوْزَ بِفَضْلِ اللَّهِ
 [22] *Kadhālika ayḍan ‘alā al-nawāhī;
 fa-tajidu al-fawza bi-fadli Allāhi.*

Demikian lagi pula atas segala nahi⁸⁹ Allah,
 maka engkau dapat akan kemenangan dengan kurnia Allah

[23] فَبِالنَّجَاةِ أَرْجُ⁹¹ مِنَ الْعَذَابِ بِإِمْتِثَالِ الْأَمْرِ⁹⁰ وَاجْتِنَابِ
*Fa-bi al-najāti arju min al-‘adhābi;
 bi-imtithāli al-amri wa ijtinābi.*

Maka harapkan olehmu akan lepas daripada azab
 dengan menjunjung titah Allah dan menjauh segala larangan-Nya

84. MSS4315: ia

85. MSS4315: – nya.

86. MSS2378: ṣabr (صبر).

87. MSS4315: + yang.

88. MSS4315: kebah.

89. Yakni larangan.

90. MSS4315: min (من).

91. MSS4315: arja (أرجى).

[24] قَدْ نَقَلْتُ ذَا مِنْ الْأَخْبَارِ كَذَلِكَ أَيْضًا عَنِ الْأَثَارِ

Qad naqaltu dhā min al-akhbārī;

kadhālika aydan ‘an al-āthārī.

Dan sungguh⁹² aku naqal⁹³ kitab ini daripada hadith
yang sahih,⁹⁴ demikian lagi pula daripada
khabar ulama yang dahulu

[25] بَعَوْنِهِ وَحَمْدِهِ سُبْحَانَهُ عَظَمَ شَأْنُ كَثِيرٍ بُرْهَانُهُ

Bi-‘awnihi wa ḥamdihi subḥānahu;

aẓuma sha’nun kathīrun burhānahu.

Dengan tolong Allah dan puji-Nya Maha Suci-Nya
lagi yang besar kehendak-Nya,⁹⁵ lagi yang banyak tanda-Nya

[26] سَمَّيْتُهُ تَنْبِيَهَ الطَّلَابِ لِرَحْمَةِ الْمُهَيَّمِينَ الْوَهَّابِ

Sammaytuhu tanbīha al-ṭullābi;

li-rahmati al-muḥaymini al-waḥḥābi.

Aku namai akan dia dengan; mengingatkan orang⁹⁶
menuntut bagi rahmat tuhan yang amat
besar lagi yang amat mengurniai

[27] وَإِنْ يَكُنْ فِيهِ الْخَلَلُ بِالْعَيْبِ فَأَبْدِلْهُ بِالْتَّحْسِينِ لَا تَعِيبُ⁹⁷

Wā-in yakun fīhi al-khalalu bi al-‘ayb;

fa-abdilhu bi al-taḥsīn lā ta‘ibi.

Dan jika adalah padanya⁹⁸ cedera dengan⁹⁹
aib, maka gantikan olehmu dengan baik, jangan
engkau aib¹⁰⁰ akan dia

92. MSS4315: sanya.

93. Yakni petik atau ambil atau pindahkan.

94. MSS2378: sah.

95. MSS4315: lagi yang berkehendak.

96. MSS4315: + yang.

97. MSS4315: + *wa-rabbanā jalla ‘ani al-nisyān; fa-kullu insin mawḍi‘i al-nisyān* (وربنا جل عن النسيان فكل إنس موضع النسيان).

98. MSS4315: daripada.

99. MSS4315: dan.

100. MSS4315: aibkan.

[Bf.17v] وَكُنِ اللَّهُمَّ بِذِي الشُّطُورِ هَدِيَّتِي لِسَيِّدِ الْمُخْتَارِ
[28]

*Wa-kun Allāhumma bi-dhī al-shuṭūrī;
hadiyyatī li-sayyidi al-mukhtārī.*

Dan jadikan olehmu hai Tuhanku dengan segala bicara
kitab ini hadiahku bagi penghulu yang *mukhtār*¹⁰¹

[29] وَخَالِصًا لَوْجْهِكَ الْكَرِيمِ وَسَائِلًا لِفَضْلِكَ الْعَظِيمِ
*Wa-khālīṣan li-wajhika al-karīmi;
wa-sā'ilan li-fadlika al-'aẓīmi.*

Dan jadikan olehmu akan ikhlas bagi zatmu yang mulia,
dan jadikan olehmu memohon bagi kurniamu yang besar

[30] وَنَافِعًا لِي كَذَلِكَ¹⁰² لِلطَّلَابِ كَذَلِكَ مَعْمُولًا بِهِ وَيَا رَبِّي
*Wa-nāfi'an lī kadhālika li al-ṭullābi;
kadhālika ma'mūlan bi-hi yā rabbī.*

Hai Tuhanku beri manfaat olehmu bagiku, demikian lagi bagi orang
yang menuntut, demikian lagi yang mengamalkan dengan dia¹⁰³

[31] تَمَّ¹⁰⁶ وَصَلَّى اللَّهُ ذُو الْكَمَالِ عَلَى النَّبِيِّ¹⁰⁴ وَصَحْبِهِ¹⁰⁵ وَالْآلِ
*Tamma wa ṣallā Allāhu dhū al-kamālī;
'alā al-nabiyy wa ṣaḥbihi wa al-ālī.*

Telah sempurna nazam ini¹⁰⁷ dan men-solawat oleh
Allah Taala yang mempunyai *kamāl*¹⁰⁸ atas Nabi
dan Sahabatnya dan segala¹⁰⁹ keluarganya

101. Yakni terpilih.

102. MSS4315: *kadhā* (كنا).

103. MSS4315: dengan dia memilikikan.

104. MSS2378: *fī* (في).

105. MSS4315: *ṣaḥbi* (صحاب).

106. MSS4315: *tammat* (تمت).

107. MSS4315: itu.

108. Yakni kesempurnaan.

109. MSS4315: – segala.

[Af.27v] ¹¹⁰ وَمُحَمَّدٌ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَتَابِعِينَ كُلِّهِمْ وَحِزْبِهِ
[32]

*Muḥammadin wa-ālihi wa ṣaḥbihi;
wa-tābiʿina kullihim wa ḥizbihi.*

Muhammad dan atas segala keluarganya dan segala Sahabatnya dan segala yang mengikut mereka itu tiap-tiap semua mereka itu dan atas segala tandurnya.¹¹¹

¹¹² وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى خَيْرِ خَلْقِهِ
مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلَّمَ
تَمَّ

*Wa-ṣallā Allāhu ʿalā khayri khalqihī
Muḥammadin wa-ālihi wa ṣaḥbihi
wa-sallam
Tamma*

Kesimpulan

Pelbagai karya dalam genre pendidikan Islam telah dihasilkan oleh para ulama sepanjang zaman di seluruh dunia Islam, termasuk di Alam Melayu. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan dalam kajian ini, tidak kurang daripada 32 judul manuskrip telah dikenal pasti, yang dihasilkan secara khusus oleh para ulama Alam Melayu. Selain berbentuk prosa, sebahagian besar judul tersebut juga dihasilkan dalam bentuk yang lebih menarik seperti syair, puisi, dan nazam. Hal ini menunjukkan bahawa karya-karya bergenre pendidikan Islam di Alam Melayu mempamerkan kepelbagaian yang luas, dengan kandungan yang menarik serta komprehensif. Dalam kajian ini, karya yang diberi tumpuan ialah *Tanbīh al-Tullāb*, iaitu salah satu karya yang penting dan unik.

Di samping kandungannya yang ringkas dan padat, karya ini mengetengahkan beberapa pesanan berharga buat para penuntut ilmu, khususnya dalam konteks Alam Melayu. Peringatan yang terkandung dalam karya ini meliputi asas dan sumber menuntut ilmu, persoalan niat serta tujuan

110. Bait ini tiada dalam MSS4315.

111. Kumpulan yang menyokongnya. Lihat Wilkinson, *A Malay-English Dictionary*, 248.

112. MSS2378: *ḥalqihī* (حلقه).

ilmu dituntut, dan pembahagian jenis-jenis penuntut ilmu. Selain itu, *Tanbīh al-Tullāb* turut berperanan sebagai pelengkap kepada *Bāb al-Ādāb*, yang turut disertakan dalam koleksi MSS 2378 dan MSS 4315. Antara perkara penting yang ditekankan dalam teks ini ialah keperluan bagi penuntut ilmu untuk sentiasa berhati-hati agar tidak tergolong dalam dua golongan yang disebut sebagai *al-mukhāṭir* dan *al-maghrūr*—kedua-duanya perlu dijaui. Justeru, melalui penelitian awal dan penghasilan edisi kritikal terhadap manuskrip *Tanbīh al-Tullāb* ini, diharapkan agar beberapa aspek pemikiran Islam di Alam Melayu dalam bidang pendidikan dapat dijelaskan dengan lebih mendalam serta menjadi asas kepada kajian-kajian lanjutan pada masa hadapan.

Rujukan

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Historical Fact and Fiction*. Johor Bharu: UTM Press, 2011.
- _____. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM, 2011.
- ‘Abd al-Tawwāb, Ramaḍān. *Manāhiḡ Taḥqīq al-Turāth Bayna al-Qudāmā’ wa al-Muḥaddithīn*. Kaherah: Maktabat al-Khānījī, 2002.
- Al-Banjari, Ibrahim bin Masran. *Hidāyat al-Mustarshidīn fī Ādāb al-Muta‘allimīn*. Johor: Dar al-Banjari, 2018.
- Deroche, Francois, et al., *Islamic Codicology: An Introduction to the Study of Manuscripts in Arabic Script*. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation, 2006.
- Ding Choo Ming. *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2003.
- Al-Fālimbānī, ‘Abd al-Ṣamad. *Hidāyat al-Sālikīn*. Pattani: Maṭba‘ah Bin Ḥalabī, t.t.
- _____. *Siyar al-Sālikīn*. Bangkok: Maktabah wa Maṭba‘ah Muḥammad Nahḍī wa Awlādih, t.t.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. *Ihyā’ Ulūm al-Dīn*. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2011.
- _____. *Bidāyat al-Hidāyah*. Terjemahan oleh Ahmad Fahmi Zamzam. Kedah: Khazanah Banjariah, 2012.
- Harun Mat Piah et al., *Traditional Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Ibn Jawzī, ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Alī. *Ṣayd al-Khāṭir*. Beirut: Dār al-Jīl, 1993.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2000.
- Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Tambahan Ketujuh*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2012.
- Md Asham Ahmad. *Kecelakaan Tipu Daya*. Kuala Lumpur, IKIM, 2017.
- Md Salleh Yaapar et al. *Kamus Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021.
- M. Mustaqim Mohd Zarif dan Mohd Anuar Mamat. *Petua Menuntut Ilmu: Tibyān al-Marām, Menyatakan Maksud Kitāb Ṭalibat al-Ṭalabah dengan Bahasa Jawi*. Kuala Lumpur: PNM, 2020.
- M. Mustaqim Mohd Zarif dan Mohd Anuar Mamat. “Bab al-Adab (MSS2906A): Analisis dan Transliterasi Beranotasi Sebuah Nazam Mengenai Adab Belajar,” *Jurnal Filologi Melayu* 25 (2018): 132–152.
- Mohd Anuar Mamat. “Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15 (2017): 66–88.
- _____. *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: Kitāb al-Ālim wa al-Muta‘allim*. Kuala Lumpur: CASIS dan HAKIM, 2016.

- _____. “Perkembangan penulisan karya *Adab al-‘Ālim* oleh Sarjana Islam: Satu Sorotan ke Arah Penentuan Sumber kepada Etika Profesion Perguruan dalam Islam,” *Jurnal al-‘Abqari* 18 (2019): 60–80.
- Mohd Asmadi Yakob. *Keintelektualan Melayu dalam Manuskrip dan Kitab Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018.
- Muhammad Haji Salleh. “Memperbaharui Pengarang.” Dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997.
- Mukhlas Nugraha, “Konsep Ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah dan Kepentingan Amalannya Dalam Kurikulum Pendidikan Islam,” *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 10 (2017): 109–114.
- Oman Fathurrahman. *Filologi Indonesia: Teori dan Metode*. Jakarta: Prenadamedia Group, 2015.
- Osman Khalid et al., *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Rosenthal, Franz. *Knowledge Triumphant: The Concept of Knowledge in Medieval Islam*. Leiden: E. J. Brill, 1970.
- Siti Hawa Salleh. *Malay Literature of the 19th Century*, terjemahan oleh Quest services. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2010.
- Anonim. *Tanbīh al-Ṭullāb*, MSS 4315. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Anonim. *Tanbīh al-Ṭullāb*, MSS 2378. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Al-Ṭawīl, al-Sayyid Razāq. *Muqaddimah fī Uṣūl al-Baḥṡ wa Taḥqīq al-Turāth*. Kaherah: Dār al-Hudā, 1988.
- Al-‘Umārī, Akram Diyā’. *Dirāsāt Tārīkhiyyah ma‘a Ta’līqah fī Manhaj al-Baḥṡ wa Taḥqīq al-Makhtūṭāt*. Madinah: al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah, 1983.
- Wan Ali Wan Mamat. *An Introduction to Malay Manuscripts*. Selangor: IIUM Press, 2014.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition on the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1998.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. “Kajian Manuskrip *al-Mu‘tabar fī al-Hikmah (Kitāb al-Nafs)* Karangan Abū al-Barakāt al-Baghdādī (547/1152): Ke Arah Suatu Kaedah Suntingan Ilmiah Warisan Manuskrip Melayu Islam.” *AFKAR* 6 (2005): 273–304.
- Wilkinson, R.J. *A Malay-English Dictionary*. Singapore: Kelly and Walsh Limited, 1901.
- Za‘ba. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965.
- Zahir Awang, Inderawati Zahid, dan Mohd Nasir Hashim. “Syair Melayu: Analisis dari Sudut Kata dan Prosodi,” *Wacana Persuratan Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, 2007.

Al-Zarnūjī, Burhān al-Dīn. *Taʿlīm al-Mutaʿallim Tariq al-Taʿallum*. Disunting oleh Muṣṭafā ʿAshūr. Kaherah: Bulaq, 1986.

Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh. “Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional.” *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu* 3, no. 2 (2015): 121–129.